



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**  
**TINGKAT 1, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN**  
**JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB**  
**30000 IPOH**

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada RAKYAT DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan beragama Islam yang berkelayakan, untuk memohon kekosongan jawatan di Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi jawatan berikut :

JAWATAN	TARAF JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	ELAUN BULANAN (RM)	RINGKASAN BIDANG TUGAS
Pereka Setara Gred B5	Kontrak ( <i>Contract for Service</i> )	Pelaksana	RM2,000.00	<ul style="list-style-type: none"><li>(i) Berkemahiran menggunakan perisian photoshop, illustrator, filmora, premiere dan perisian suntingan video dan perea grafik yang terkini.</li><li>(ii) Kreatif dalam menghasilkan design, kelebihan bagi yang mahir menggunakan perisian kandungan generatif AI.</li><li>(iii) Membantu untuk merancang, menghasilkan dan menyunting kandungan digital seperti grafik, video, teks untuk pelbagai platform seperti laman media sosial serta saluran pemasaran lain.</li></ul>
Penyelia Bangunan Sekolah Menengah Agama Rakyat Orang Asli Nurul Hidayah Kg. Kenang Sg. Siput (U) Perak. Setara Gred H1	Kontrak ( <i>Contract for Service</i> )	Pelaksana	RM1,700.00	<ul style="list-style-type: none"><li>(i) Memastikan keadaan fizikal bangunan, padang dan persekitaran sekolah berada dalam keadaan baik dan selamat.</li><li>(ii) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan kawasan sekolah dari semasa ke semasa.</li><li>(iii) Bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran aset sekolah dan asrama.</li><li>(iv) Memastikan sistem keselamatan bangunan diselenggara dengan baik.</li></ul>
Pembantu Khidmat Am (Pemandu Kenderaan) Setara Gred H1	Kontrak ( <i>Contract for Service</i> )	Pelaksana	RM1,600.00	<ul style="list-style-type: none"><li>(i) Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang sah daripada Jabatan Pengangkutan Jalan.</li><li>(ii) Menjaga kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih, siap sedia dan selamat untuk dipandu. Antara kenderaan bagi perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori dan lain-lain.</li></ul>

## **2. SYARAT UMUM**

- 2.1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 2.2. Warganegara Malaysia yang beragama Islam.
- 2.3. Keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.
- 2.4. Bersedia untuk bekerjasama dalam menyampaikan visi dan misi Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), komited dan bertanggungjawab dalam apa jua tugas yang diberikan.

## **3. SYARAT-SYARAT LANTIKAN**

### **3.1. Pereka Setara Gred B5 (Kontrak) Contract for Service (CFS)**

- (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan / atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (iv) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (v) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (vi) Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (vii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **3.2. Penyelia Bangunan Setara Gred H1 (Kontrak) Contract for Service (CFS)**

- (i) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (v) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dalam Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (vi) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 3.3. **Pembantu Khidmat Am (Pemandu Kenderaan) Setara Gred H1 (Kontrak) Contract for Service (CFS)**
- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
  - (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
  - (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - (v) Memiliki lesen memandu Kelas D/E2/E1/E/F/G/H/I GDL dan PSV yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugasan berkenaan;
  - (vi) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **4.CARA MEMOHON:**

- 4.1. Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang Permohonan Jawatan (MAIPk-BKP-P01/B01)** yang boleh didapati melalui laman web <https://www.maipk.gov.my> atau dengan mengambil sendiri di kaunter Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.
- 4.2. Sekeping gambar berukuran passport hendaklah dilekatkan di ruang yang telah disediakan pada borang permohonan.
- 4.3. Satu borang permohonan hanya untuk satu jawatan sahaja. Sila gunakan borang yang berasingan jika ingin memohon lebih dari satu jawatan.
- 4.4. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan **Resume, Salinan Dokumen-Dokumen Seperti Mykad, Sijil Kelahiran, Lesen Memandu, Sijil Berhenti Sekolah, Sijil Kelulusan Persekolahan: SPM/SPM(V)/SVM; STPM/STAM, Ijazah / Diploma / Matrikulasi KPM / SKM Tahap 2/3 dalam bidang berkaitan / Sijil daripada Pusat Pengajian Tinggi beserta transkrip, Dokumen Pengiktirafan Diploma / Ijazah dari Sistem eSISRAF / Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Sijil-sijil lain yang ada kaitan dengan jawatan seperti Sijil Pendaftaran Penuh dengan Lembaga Iktisas atau kelulusan-kelulusan lain, yang telah disahkan.**
- 4.5. Pegawai Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun yang sedang berkhidmat **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI**.
- 4.6. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar sebelum atau pada **3 Oktober 2025 (Jumaat)** ke alamat berikut:

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
(u.p.: Bahagian Khidmat Pengurusan, Sub-Unit Perjawatan)**
- 4.7. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- 4.8. Permohonan-permohonan yang tidak memberi keterangan lengkap di dalam borang yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.
- 4.9. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- 4.10. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 4.11. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- 4.12. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.